



**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**MAJLIS PERASMIAN
SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2024
SUNWAY PYRAMID CONVENTION CENTRE (SPCC)/
8 MAC 2024 / 8.00 MALAM**

Kemas kini: 29 Februari 2024

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Perpaduan, Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama berhimpun dalam Majlis **Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024**. Pada setiap tahun, Hari Wanita Antarabangsa disambut pada 8 Mac sebagai simbolik penghargaan kepada wanita sedunia.
2. **Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana**

Menteri, atas sokongan padu yang diberikan dengan hadir meraikan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa tahun 2024. Kehadiran Yang Amat Berhormat adalah **simbolik tanda penghargaan Kerajaan terhadap peranan penting wanita** sebagai penggerak utama kemajuan negara, pembangunan institusi kekeluargaan dan pengukuhan masyarakat penyayang. Terima kasih Yang Amat Berhormat.

3. Sukacita juga saya, bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengalu-

alukan kehadiran **Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail**, yang juga mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia Wanita Yang Pertama dan juga mantan Menteri KPWKM, atas kesudian hadir bersama-sama pada program ini.

(B) TEMA HARI WANITA

4. '*Count Her In: Invest in Women. Accelerate Progress*', merupakan tema Sambutan Hari Wanita Antarabangsa

yang telah dipilih oleh United Nation Women dengan tanda pagar {*hashtag*} #InspireInclusion.

5. Manakala, “**Wanita Dijulang, Negara Gemilang**” telah dipilih sebagai tema yang diterjemahkan dalam konteks tempatan, sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2024. Tema ini memberikan penekanan akan pentingnya mewujudkan budaya inklusif dan kesaksamaan gender, pada semua peringkat sebagai usaha memartabatkan wanita di negara ini. Peranan wanita pada masa ini adalah **sama pentingnya** dengan kaum lelaki.

Wanita dilihat hebat dan cekal, dan memiliki banyak potensi. Sumbangan wanita merupakan pemangkin kepada kecemerlangan negara, selaras dengan aspirasi masyarakat MADANI dan ini ialah manifestasi bahawa wanita merupakan entiti peradaban yang penting dalam negara.

6. Tema ini juga mengangkat peranan dan sumbangan wanita yang merupakan tonggak utama dalam pembangunan sosial masyarakat.

(C) PERJUANGAN WANITA

Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. Pada tahun ini, lebih 2.3 juta akan tergolong dalam kategori wanita muda berumur antara 25 hingga 34 tahun. Majoriti daripada wanita muda ini akan memulakan fasa kehidupan yang seterusnya, dengan penuh harapan; memulakan perjalanan kerjaya mereka, mendirikan rumah tangga serta mempunyai anak dan berkeluarga. Pun begitu, mereka

akan berhadapan dengan dilema yang sukar; sama ada untuk terus bekerja dan memanjat tangga kerjaya bagi memastikan perlindungan sosial peribadi mereka sendiri, atau mengambil pengorbanan dan melepaskan semua itu demi memikul “tanggung jawab” komitmen menjaga ahli keluarga, sama ada anak sendiri, ibu bapa atau adik beradik sendiri, mertua mahupun ipar duai.

8. Ingin saya simpulkan cabaran yang dihadapi wanita, dalam perspektif yang mudah untuk kita semua fahami:

- i) Wanita mendominasi lelaki di universiti, tetapi hanya 56.2% daripada populasi wanita yang bekerja berbanding 81.9% untuk lelaki;
- ii) Wanita dalam lingkungan umur 30 hingga 39 tahun lebih cenderung meninggalkan kerjaya mereka secara tetap kerana komitmen keluarga;
- iii) Sementara itu, majoriti penerima bantuan kewangan oleh kerajaan berumur 60 tahun ke atas adalah wanita yang tidak mempunyai jaringan keselamatan ekonomi, atau *economic safety nets*; dan

iv) World Bank pada minggu ini, telah melaporkan bahawa sekiranya semua halangan ekonomi bagi wanita dimansuhkan, KDNK negara dapat meningkat sebanyak 20% .

9. Justeru, adalah sangat bertepatan apabila Yang Amat Berhormat ketika melancarkan Kerangka Ekonomi MADANI pada pertengahan tahun lalu telah menggariskan satu daripada tujuh penanda aras yang mahu dicapai di bawahnya adalah untuk **“kadar penyertaan tenaga buruh wanita mencapai 60 peratus”**. Tugas ini harus dipikul

bersama, bukan hanya oleh wanita, bukan hanya Kementerian Wanita, bukan hanya Menteri Wanita, tetapi memerlukan usaha dan iltizam semua pihak, termasuk kaum lelaki, kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, pihak swasta serta seluruh kita rakyat Malaysia.

(D) INISIATIF KERAJAAN MADANI DAN KPWKM DALAM PEMERKASAAN WANITA

Yang Amat Berhormat Dato' Seri, dan hadirin sekalian,

10. Pelbagai inisiatif telah diumumkan oleh Kerajaan melalui Belanjawan MADANI 2024 yang jelas menterjemahkan usaha memperkasakan wanita di negara ini serta sokongan Kerajaan kepada wanita untuk terus kekal dalam pasaran pekerjaan. Terima kasih Yang Amat Berhormat.

11. Walaubagaimanapun, saya bagi pihak Kementerian dan mewakili wanita-wanita di seluruh negara, ingin memohon agar inisiatif pemerkasaan wanita digandakan lagi, terutamanya dari segi ekuiti ekonomi. Ini kerana wanita terdiri daripada hampir 50% populasi Malaysia, dan

merupakan golongan yang lebih **berisiko** tercicir, apabila berhadapan dengan cabaran ekonomi atau sosial.

12. Setiap ringgit yang dibelanjakan, setiap minit yang diluangkan, setiap daya usaha dan keringat yang dicurahkan, demi kehidupan dan kesejahteraan wanita, adalah satu bentuk pelaburan kolektif yang tidak merugikan untuk Malaysia. **Every ringgit, every minute and effort invested into the lives and wellbeing of our women is a collective investment into the future of Malaysia.**

(E) HARAPAN

Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Bagi terus mencapai kesaksamaan gender dan seterusnya memaksimumkan potensi dan peranan wanita, KPWKM akan terus melaksanakan **pelbagai inisiatif meliputi aspek pembangunan ekonomi, keselamatan dan kesejahteraan wanita serta kepimpinan**. Wanita Malaysia mesti **berdikari dan kurangkan kebergantungan kepada orang lain bagi tujuan kelangsungan hidup**.

14. Untuk wanita yang berada di dewan ini, saya percaya ramai yang bersama kita pada malam ini adalah seorang IBU, yang pastinya mengimpikan yang terbaik untuk anak-anak kita, khususnya anak-anak perempuan kita yang akan melalui fasa-fasa kehidupan, seperti kita dahulu. Mereka adalah tunjang dan penggerak baharu negara kita. Inilah masanya untuk kita membantu mereka mencapai dan memenuhi potensi diri, dan misi kita sekarang adalah untuk membentuk dan menyokong mereka. *We must support our daughters better than how our mothers supported us.*

15. Sandra Day O'Connor wanita pertama berkhidmat di Mahkamah Agung Amerika Syarikat (US Supreme Court) pernah menyatakan *"As women achieve power, the barriers will fall. As society sees what women can do, as women see what women can do, there will be more women out there doing things, and we'll all be better off for it."*

(F) PENUTUP

Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati sekalian,

16. Pada kesempatan ini, saya dan seluruh warga kerja Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 mengucapkan **setinggi-tinggi penghargaan** kepada semua yang menjayakan penganjuran Majlis ini. Tidak dilupakan, rakan-rakan dalam kalangan badan bukan Kerajaan, sektor swasta, ahli akademik dan Kementerian serta agensi Kerajaan lain, yang tanpa jemu dan lelah, menyokong usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam agenda pemerkasaan wanita.

17. **Sekali lagi, kami ingin zahirkan penghargaan yang tidak terhingga untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas hala tuju, komitmen dan keprihatinan yang tidak berbelah bahagi dalam perjuangan memperkasakan wanita.**

18. **Untuk para wanita, walau di mana-mana jua anda berada, saya mewakili Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat mengucapkan “Selamat Menyambut Hari Wanita Antarabangsa 2024”.**

SELAMAT MENYAMBUT HARI WANITA ANTARABANGSA 2024

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah. Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

8 Mac 2024